

13 AUG 2001

SAID-MAHATHIR

DR MAHATHIR AKAN KETUAI DELEGASI KE KAMPALA, UGANDA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengetuai delegasi peringkat tertinggi yang terdiri daripada ketua-ketua industri dan pegawai kerajaan ke Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001 (SAID/LID) di Kampala, Uganda mulai 18 hingga 21 Ogos ini.

Para peserta ke dialog selama empat hari itu yang akan berlangsung di Speke Resort di Munyonyo, di pesisiran Tasik Victoria, kira-kira 15 km dari ibu negara Uganda, akan berbincang mengenai "Meningkatkan Iklim bagi Pelaburan Langsung Asing (FDI) Melalui Perkongsian Pintar".

Global 2001 merupakan sebahagian daripada siri dialog perkongsian pintar antarabangsa yang termasuk Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), kata bekas penasihat sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, pada sidang media di sini hari ini.

Selain Dr Mahathir, 13 ketua negara dan empat ketua kerajaan akan menghadiri dialog berkenaan, yang akan diadakan buat pertama kalinya di negara Afrika Timur.

Dialog terdahulu di Afrika berlangsung di Selatan Afrika dan kali terakhir diadakan di sana ialah di Maputo, Mozambique.

Kira-kira 350 peserta antarabangsa termasuk 60 dari Malaysia, akan mengenal pasti strategi untuk menarik FDI, yang penting dalam menyokong ekonomi Afrika yang memerlukan pelaburan.

Dr Omar, yang kini merupakan koordinator Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi - Perkongsian Komonwel bagi Pengurusan Teknologi (MIGHT-CPTM) Pusat Perkongsian Pintar, berkata negara-negara Afrika berminat untuk mempelajari kejayaan Malaysia dalam menarik FDI.

Semasa di sana, Dr Mahathir juga akan merasmikan Pusat Malaysian South-South Corporation Bhd (MASSCORP) di Kampala, yang akan meningkatkan peluang-peluang perdagangan yang lebih luas antara Malaysia dan Uganda.

Perdana Menteri juga akan melancarkan Rangkaian Berita Pintar Antarabangsa (SNNi), satu program pertukaran berita bagi mengatasi laporan tidak tepat mengenai negara-negara membangun di SAID.

"Ia merupakan satu perkhidmatan berita alternatif dan negara-negara membangun akan mempunyai pertukaran berita secara langsung berbanding bergantung kepada pihak ketiga seperti Reuters, AFP atau CNN," katanya.

Dr Omar berkata pengalaman Malaysia dalam menarik FDI akan disampaikan dengan berkongsi pelajaran praktikal dan mengkaji perniagaan oleh para pelabur serta kajian kes oleh pembuat polisi melibatkan kedua-dua yang berjaya dan yang gagal.

"Inilah sebabnya kami mempunyai delegasi besar yang terdiri daripada ahli perniagaan dan pegawai kerajaan," katanya.

Selain Dr Mahathir, peserta utama di SAID termasuk Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Antara syarikat utama yang menyertainya ialah Telekom Malaysia Bhd, Bina Puri Holdings Bhd, Heitech Padu Bhd dan YTL Corporation Bhd.

Global 2001 akan memberi tumpuan kepada empat isu utama yang berkaitan FDI iaitu:

- \* pemilikan dan pengurusan aset ekonomi (contoh: tanah, harta intelek),
- \* keperluan pelaburan bagi kemudahan infrastruktur komunikasi,
- \* pengaruh tanggapan risiko dalam pelaburan dalaman dan peranan tadbir urus korporat

\*kerjasama dan risiko di peringkat makro-ekonomi serta membangun kemajuan dan kreativiti ekonomi di mikro ekonomi;

Dr Mahathir juga akan mempengerusikan beberapa sesi dialog serta menyampaikan ucapan utama pada majlis makan malam pada 20 Ogos.

Lain-lain acara menarik di SAID termasuk pembentangan oleh Uganda yang bertajuk "Kebangkitan daripada Kematian," mengenai kebangkitan semula ekonomi selepas kejatuhan rejim Presiden Idi Amin lepas lapan tahun. --

BERNAMA

ER MR SHY NHD JR